

KENYATAAN MEDIA

KEDUDUKAN BEKALAN AIR BERSIH DI MERBOK, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH

12 Mac 2019 - Berikutan cuaca panas dan kering yang berpanjangan serta kekurangan taburan hujan terutamanya di Merbok, Kedah, terdapat loji rawatan air yang telah mengalami kemerosotan sumber air mentah iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Tupah hingga menyebabkan gangguan bekalan air di kawasan agihan loji terbabit.

Pengurangan pengeluaran di LRA ini telah menyebabkan kira-kira 5,000 akaun atau 20,000 pengguna mengalami gangguan bekalan air di kawasan sekitar Semeling, Merbok, Singkir dan Tanjung Dawai serta kawasan sekitarnya.

Sehubungan itu, pihak operator air iaitu Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) telah mengambil langkah-langkah mitigasi jangka pendek dengan menempatkan tangki-tangki statik serta menghantar bekalan air bersih kepada pengguna yang terjejas menggunakan lori-lori tangki sedia ada. Pengguna yang terlibat boleh menghubungi pihak SADA melalui talian: 04-7400500.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga telah menyelaraskan bantuan berupa 13 buah lori tangki milik rakan-rakan operator air seperti dari Lembaga Air perak (2), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (2), Syarikat Air Melaka Berhad (2), Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (2), Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (1) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (4) untuk membantu SADA menangani gangguan bekalan air yang dihadapi pada masa ini.

Kementerian juga meminta supaya Kerajaan Negeri dan operator air di semua negeri supaya memantau rapi kedudukan sumber di empangan-empangan dan sungai-sungai yang membekalkan sumber air mentah ke loji-loji rawatan air di negeri masing-masing. Ini adalah bagi memastikan tindakan awal dapat diambil untuk menangani sebarang kemungkinan berlakunya gangguan bekalan air pada masa hadapan.

Pada waktu yang sama, para pengguna dinasihatkan agar berhemat ketika menggunakan sumber air bersih dan tidak membazir agar sumber yang ada akan dapat dilestarikan.

12 Mac 2019